

Ke arah melestarikan Kuala Lumpur

DBKL BAKAL GUNA BAHAN KAYU

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bakal menggunakan bahan kayu sebagai usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya hijau dan lestari.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif** berkata bahan kayu boleh digunakan untuk menggantikan bahan tidak lestari seperti konkrit dalam projek-projek tertentu.

“Kayu yang diproses dengan teknik moden mampu memberikan jangka hayat yang lebih panjang dan menjadi pilihan yang praktikal untuk pembangunan yang mesra alam.

“DBKL juga dapat menunjukkan contoh terbaik kepada pemaju-pemaju dan pihak berkepentingan lain tentang pentingnya penggunaan bahan binaan yang bertanggungjawab atau dalam erti kata lain penggunaan bahan yang boleh diperbaharui, dikitar semula atau terurai secara semula jadi seperti kayu FSC (Forest Stewardship Council) atau komposit mesra alam.

“Usaha ini selaras dengan dasar pembangunan mampan global seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara DBKL dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) di Menara DBKL pada Isnin.

Hadir sama Ketua Pengarah MTIB, Saiful Bahri Salleh dan pegawai kanan kedua-dua agensi.

Beliau berkata, pihaknya amat menghargai sokongan dan kepakaran MTIB dalam industri kayu tempatan dan kerjasama yang akan dirintis ini akan membuka peluang untuk memanfaatkan bahan kayu lestari, memperkukuh inovasi dalam seni bina landskap serta memastikan penggunaan sumber semula jadi yang lebih bertanggungjawab.

“Kerjasama strategik antara DBKL dengan MTIB ini juga akan membawa pelbagai manfaat, khususnya dalam mengukuhkan penggunaan bahan kayu secara mampan di ibu kota serta akan membuka peluang untuk memperluas penggunaan bahan kayu lestari dalam pelbagai projek pembangunan bandar, khususnya dalam seni bina landskap dan perabot bandar.

“Dengan menggunakan

kayu yang diperoleh secara bertanggungjawab, DBKL dapat menyokong amalan pengurusan hutan yang mampan, sekali gus mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar,” katanya.

Katanya, bahan kayu juga sering dikaitkan dengan nilai estetika semula jadi dan fleksibiliti dalam reka bentuk. Kepakaran MTIB dalam teknologi dan aplikasi kayu dapat membantu DBKL memperkenalkan inovasi baharu dalam seni bina landskap.

“Ini termasuk penggunaan kayu terawat untuk membina struktur landskap seperti gazebo, jambatan, bangku taman, laluan pejalan kaki dan elemen hiasan lain yang mesra alam serta tahan lasak,” katanya.

Menurut Datuk Bandar, penggunaan kayu lestari bukan sahaja menyumbang kepada aspek estetika dan fungsional, tetapi juga kepada kesejahteraan penduduk bandar.

“Kajian menunjukkan bahawa bahan semula jadi seperti kayu boleh memberikan impak psikologi positif, termasuk mengurangkan tekanan dan meningkatkan keseimbangan emosi, khususnya di kawasan taman awam dan rekreasi,” ujarinya. 



MAIMUNAH dan Saiful Bahri menunjukkan MoU yang ditandatangani bersama di antara DBKL dan MTIB pada Isnin.